

LIMA: Minyak, elektrik cukup

U.M. - 9 NOV 1993

LANGKAWI 8 Nov. — Bekalan minyak dan elektrik di Langkawi dijangka mencukupi menjelang Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA '93) sekalipun berlaku kekurangan pada masa ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau memberitahu, Petronas kini sedang mengambil tindakan mengatasi kekurangan bekalan minyak dengan mengadakan tangki-tangki baru menyimpan minyak di pulau ini.

Selain itu, kata beliau, Petronas juga membina tangki-tangki menyimpan minyak di Rebak Marina, sebuah pulau tidak jauh dari Langkawi.

"Saya yakin tangki-tangki ini akan siap sebelum LIMA '93," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melawat beberapa projek pembangunan dan persediaan LIMA '93, di sini hari ini.

Perdana Menteri berada di sini untuk lawatan berehat selama dua hari

mulai semalam dengan diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.

Mengenai bekalan elektrik di Pulau Langkawi, Perdana Menteri berkata, pada waktu ini bekalannya masih kurang.

"Bagaimanapun tindakan sedang diambil bagi memastikan bekalan ini mencukupi menjelang LIMA '93," katanya.

Mengenai persiapan LIMA '93, beliau berkata, semuanya berjalan dengan baik dan percaya hotel-hotel yang kini sedang dalam pembinaan akan siap menjelang pameran tersebut.

Mengandungi

Antara hotel baru yang dijangka siap menjelang LIMA '93 ini ialah Mahsuri Westin dekat Kuala Teriang dan Berjaya Premier Beach Resort di Teluk Burau.

Sebanyak 32 bilik suite Mahsuri Westin siap 1 Disember ini sementara Berjaya Premier Resort yang mengandungi 400

nyaan, beliau berkata, pengambilan 150 rakyat Albania untuk bekerja di Berjaya Premier Resort adalah salah satu usaha membantu rakyat negara tersebut.

"Mereka datang untuk bekerja dan setelah tamat bekerja akan balik ke negara mereka," katanya yang sempat bertemu dengan pekerja-pekerja berkenaan dalam lawatan ke tempat penginapan itu semalam.

Memorandum

Mengenai permintaan kakitangan kerajaan di Langkawi agar mereka diberikan elaun khas memandangkan kos kehidupan yang tinggi di pulau ini, Perdana Menteri berkata beliau belum menerima sebarang memorandum mengenainya.

"Kita akan kaji perkara itu. Masalahnya nanti semua orang akan berkata, tempat dia yang susah dan tempat orang lain senang," katanya.

Beliau juga memberitahu, kerajaan bercadang memajukan kawasan Barat Daya Langkawi dan kajian mengenainya sedang dibuat oleh pakar-pakar rekabentuk pembangunan.

buah bilik dijangka dibuka hujung bulan ini.

Perdana Menteri meninjau sendiri pembinaan Mahsuri Westin hari ini setelah mendengar taklimat pembangunan di hotel The Datai, Teluk Datai. Semalam beliau melawat Berjaya Premier Resort.

Menurutnya, jumlah bilik hotel bertambah dengan banyak untuk LIMA '93 dan berharap semua pengunjung akan mendapat tempat tinggal.

Menjawab satu perta-